

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : MASALAH BANJIR DI SELAYANG BARU**

261. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan bagi mengatasi masalah banjir yang kerap berlaku di Kampung Selayang Baru terutama berdekatan dengan Sungai Udang?

**JAWAPAN:**

- a) Semakan mendapati Sungai Udang adalah dibawah rezab penyelenggaraan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Gombak (JPS). Ianya juga melibatkan beberapa anak Sungai Udang di Jalan 11, Jalan 30 dan Jalan 62 yang menjadi faktor utama punca kejadian banjir di Selayang Baru.

Pada masa kini, pihak JPS sedang menjalankan kerja-kerja menaiktaraf di Jalan 62. Setelah kerja-kerja menaiktaraf anak Sungai Udang dan lain-lain bagi rezab selenggara JPS, pihak MPS juga sedang merangka dan memohon peruntukan bagi cadangan lantikan juruukur dan perunding kejuruteraan bagi pengumpulan data, reka bentuk terperinci dan kajian menaiktaraf sistem perparitan di Selayang Baru dan kawasan sekitar. Dianggarkan kawasan yang terlibat dengan kerja-kerja tersebut adalah sekitar 2 kilometer radius daripada kawasan banjir di Selayang Baru. Anggaran kos bagi kerja-kerja pengukuran dan rekabentuk adalah sebanyak RM 895,000.00.

Bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Selayang Baru, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS) sedang melaksanakan Projek Menaiktaraf Anak Sungai Udang Fasa 1 yang bernilai RM1,246,819.00 yang dijangka siap pada 31/7/2019. Bagi penyelesaian jangka panjang, projek ini akan disambung ke fasa seterusnya yang mana permohonan peruntukan sebanyak RM10.0 juta telah dipohon dalam permohonan projek RMK-12. Bagi tujuan itu, JPS sedang mengenalpasti halangan-halangan di tapak seperti masalah utiliti dan pengambilan balik tanah untuk diselesaikan terlebih dahulu.

Bagi penyelesaian jangka pendek, kerja-kerja penyelenggaraan Anak Sungai Udang seperti kerja pengorekan dan pembersihan akan dilaksanakan oleh pihak JPS. Selain itu, kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran dalaman juga perlu dilaksanakan oleh pihak PBT bagi menampung pertambahan air larian hujan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : PROGRAM AIR PERCUMA**

262. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini Program Pemberian Air Percuma secara bersasar?
- b) Apakah mekanisme Kerajaan dalam melaksanakan pemberian Program Air Percuma secara bersasar?

**JAWAPAN:**

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan Yang Berhormat Sg Pelik (Soalan No. 197), Yang Berhormat Sungai Burong (Soalan No. 250), Yang Berhormat Bukit Lanjan (Soalan No. 259) dan Yang Berhormat Semenyih (Soalan No. 266).

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor masih meneruskan Program Pemberian Air Percuma sebanyak 20 meter padu kepada semua pengguna di Negeri Selangor.

Objektif pelaksanaan Program Pemberian Air Percuma ini adalah bertujuan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat Negeri Selangor, khususnya kepada golongan berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun program ini telah dapat dinikmati oleh semua peringkat pendapatan. Bagi memastikan program ini menepati objektif perlaksanaannya dan sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri ke arah perbelanjaan yang lebih berhemah, Dewan Negeri Selangor pada 23 November 2018 telah meluluskan supaya penjajaran semula Program Pemberian Air Percuma ini dilaksanakan bagi mencapai matlamat sebenar Inisiatif Peduli Rakyat Kerajaan Negeri dengan menyasarkan bantuan kepada kumpulan sasaran iaitu golongan yang benar-benar memerlukan dan layak.

Kerajaan Negeri masih meneliti dan memperhalusi mekanisme yang akan digunakan di dalam melaksanakan penjajaran semula ini bagi memastikan golongan sasaran khususnya golongan berpendapatan rendah tidak terjejas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH MILIK KERAJAAN NEGERI & ANAK SYARIKAT**

263. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keluasan tanah milik Kerajaan Negeri dan Anak Syarikat di dalam Negeri Selangor yang masih belum dibangunkan?
  
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk membangunkan tanah ini dalam masa 10 tahun akan datang?
  
- c) Jika ya, nyatakan perancangannya.

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PENAMAAN SEMULA JALAN BARAT KEPADA JALAN V. DAVID**

264. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menamakan semula Jalan Barat di Petaling Jaya kepada Jalan V. David sebagai mengenang segala jasa dan bakti Mendiang David S. Vethamuthu kepada Negara? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**JAWAPAN:**

- a) Setakat ini, Majlis belum ada cadangan untuk menamakan semula nama Jalan Barat kepada Jalan V. David.

Sebarang penamaan semula nama jalan hanya akan di buat selaras dengan Klausa (29)(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), yang menyebut "Tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, pihak Berkuasa Tempatan boleh menetapkan nama dengan mana sesuatu jalan hendak di kenali dan boleh mengubah nama mana-mana jalan atau mana-mana bahagian daripada suatu jalan".

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : KEBEBASAN AKADEMIK PELAJAR DAN KAKITANGAN AKADEMIK**

265. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan kerajaan terhadap kebebasan akademik buat pelajar dan kakitangan akademik di institusi pengajian tinggi di bawah kerajaan Negeri?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : AIR PERCUMA**

266. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci, hasil kajian mengenai penjajaran program air percuma di Selangor.
  
- b) Bila penjajaran air percuma ini akan dilakukan?

**JAWAPAN:**

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan Yang Berhormat Sg Pelik (Soalan No. 197), Yang Berhormat Sungai Burong (Soalan No. 250, Yang Berhormat Bukit Lanjan (Soalan No. 259) dan Yang Berhormat Sungai Panjang (Soalan No. 262).

(a) dan (b) dijawab bersekali:

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor masih meneruskan Program Pemberian Air Percuma sebanyak 20 meter padu kepada semua pengguna di Negeri Selangor.

Objektif pelaksanaan Program Pemberian Air Percuma ini adalah bertujuan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat Negeri Selangor, khususnya kepada golongan berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun program ini telah dapat dinikmati oleh semua peringkat pendapatan. Bagi memastikan program ini menepati objektif perlaksanaannya dan sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri ke arah perbelanjaan yang lebih berhemah, Dewan Negeri Selangor pada 23 November 2018 telah meluluskan supaya penjajaran semula Program Pemberian Air Percuma ini dilaksanakan bagi mencapai matlamat sebenar Inisiatif Peduli Rakyat Kerajaan Negeri dengan menyasarkan bantuan kepada kumpulan sasar iaitu golongan yang benar-benar memerlukan dan layak. Kerajaan Negeri masih meneliti dan memperhalusi mekanisme yang akan digunakan di dalam melaksanakan penjajaran semula ini bagi memastikan golongan sasar khususnya golongan berpendapatan rendah tidak terjejas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : USAHA PENYEDIAAN TAPAK SEKOLAH MENENGAH TELOK GONG**

267. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewartakan sebahagian tanah di Kampung Telok Gong sebagai tapak sekolah menengah sebagai salah satu inisiatif memastikan sekolah menengah akan dibina di kawasan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Proses Pewartaan sesuatu tapak dilaksanakan adalah berdasarkan kepada Rancangan Tempatan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun permohonan tapak yang melibatkan sekolah akan diselaraskan oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) melalui permohonan secara Pemberimilikan Tanah.

Sehingga kini, Pentadbir Tanah Klang belum menerima permohonan Pemberimilikan Tanah bagi Tapak Sekolah Menengah Telok Gong daripada PTP.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PROGRAM JOM DAFTAR TASKA DAN KEMPEN 'SAYANGI ANAK,  
KENALI PENGASUH'**

268. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan pengasuh dan TASKA yang telah didaftar sejak pelancaran program Jom Daftar TASKA dan Kempen "Sayangi Anak, Kenali Pengasuh" pada 19 Ogos 2018?
- b) Apakah program susulan atau tindakan pemantauan Kerajaan Negeri dan agensi berkaitan?

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor telah melaksanakan Program Jom Daftar TASKA dan Kempen "Sayangi Anak, Kenali Pengasuh" pada 19 Ogos 2018 bertempat di Dewan Raja Muda Musa, Seksyen 7 Shah Alam. Program adalah bertujuan meningkatkan pendaftaran taman asuhan kanak-kanak (TASKA) di Negeri Selangor dan memberi kesedaran kepada awam berkenaan keperluan TASKA berdaftar dan pengasuh berdaftar.

Bagi tempoh September 2018 hingga Jun 2019, JKM Negeri Selangor telah mendaftarkan 160 buah TASKA seperti pecahan berikut berikut:

<b>KATEGORI TASKA</b>	<b>JUMLAH PENDAFTARAN (SEP-DIS 2018)</b>	<b>JUMLAH PENDAFTARAN (JAN-JUN 2019)</b>	<b>JUMLAH</b>
Institusi	16	97	<b>113</b>
Di Rumah	3	34	<b>37</b>
Komuniti	0	1	<b>1</b>
Tempat Kerja Awam	0	3	<b>3</b>



KATEGORI TASKA	JUMLAH PENDAFTARAN (SEP-DIS 2018)	JUMLAH PENDAFTARAN (JAN-JUN 2019)	JUMLAH
Tempat Kerja Swasta	2	4	6
<b>JUMLAH</b>	<b>21</b>	<b>139</b>	<b>160</b>

b) Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan melalui JKM Negeri Selangor telah melaksanakan beberapa program bagi menggalakkan pendaftaran TASKA seperti berikut:

- 1) **Program Rejuvenasi TASKA Tempat Kerja Peringkat Negeri Selangor Tahun 2018** bagi menggalakkan penubuhan dan pendaftaran TASKA di tempat kerja. Program ini telah diadakan pada 1 November 2018 bertempat di *Shah Alam Convention Centre* dan telah dihadiri oleh 300 peserta terdiri daripada wakil majikan agensi kerajaan dan swasta.
- 2) **Sistem i-Asuh** iaitu sistem yang menyenaraikan pengasuh dan pengasuh berdaftar di Negeri Selangor. Sistem akan diakses oleh orang awam bagi memberi pilihan kepada ibu bapa dalam mendapatkan maklumat pengasuh kanak-kanak di lokaliti masing-masing. Sistem ini masih dalam proses pembangunan oleh Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) sejak Jun 2019 dan dijangka siap pada November 2019.
- 3) Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan **Geran Penubuhan TASKA Tempat Kerja 2019** bagi penubuhan TASKA Tempat Kerja Awam (TTKA). 12 agensi Kerajaan Negeri Selangor yang telah diluluskan geran TTKA berjumlah RM1,605,200.00 seperti berikut:

BIL	AGENSI	RM
1.	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	165,000
2.	Hospital Banting	180,000
3.	Hospital Kajang	145,000

4.	Hospital Serdang	200,000
5.	Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam	186,300
6.	Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Bharu	165,000
7.	Taman Sinar Harapan Ziyad Zolkefli, Cheras	100,000
8.	Pejabat Daerah/Tanah Klang	110,000
9.	Maktab Koperasi Malaysia	62,400
10.	Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)	130,000
11.	Agensi Nuklear Malaysia	200,000
12.	Pusat Koreksional Puncak Alam	69,000
<b>JUMLAH</b>		<b>1,605,200</b>

JKM Negeri Selangor sentiasa menjalankan pemantauan terhadap TASKA berdaftar bagi memastikan semua TASKA dalam keadaan selamat untuk kanak-kanak. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2019, sejumlah 133 kali sesi pemantauan terhadap TASKA berdaftar telah dijalankan. Jumlah sesi pemantauan mengikut daerah/kawasan adalah seperti di bawah:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH / KAWASAN</b>	<b>BIL. TASKA BERDAFTAR</b>	<b>BIL. PEMANTAUAN TASKA (JAN-JUN 2019)</b>
1	Gombak	86	14
2	Hulu Langat	148	5
3	Hulu Selangor	22	6
4	Klang	82	9
5	Kuala Langat	41	11
6	Kuala Selangor	27	6
7	Petaling	79	31
8	Sabak Bernam	7	3
9	Sepang	98	9
10	Shah Alam	81	16
11	Subang Jaya	85	23
<b>JUMLAH</b>		<b>756</b>	<b>133</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : PEKERJA-PEKERJA DI PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT**

269. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang harus diambil untuk memastikan pekerja-pekerja di Pusat Khidmat Masyarakat dilindungi insurans?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 21 /2013 bertarikh 24 Julai 2013 telah meluluskan pelantikan tiga (3) orang Pembantu Tadbir secara *contract for service* untuk setiap Pusat Khidmat Masyarakat dengan diberi kelulusan khas caruman KWSP. Lanjutan daripada keputusan tersebut, Kerajaan Negeri telah menerima cadangan supaya setiap Pembantu Tadbir tersebut dilindungi oleh PERKESO. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut dan cadangan tersebut telah ditangguhkan berikutan keputusan Kerajaan Negeri untuk menambah seorang lagi kakitangan Pusat Khidmat Masyarakat untuk setiap kawasan Ahli Dewan Negeri. Perkara ini akan dikaji semula setelah pertambahan Pembantu Tadbir di Pusat Khidmat Masyarakat dilaksanakan tahun hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN SJKC DAN SJKT**

270. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan berapa tanah dan keluasan tanah yang telah diwartakan untuk kegunaan SJKC dan SJKT sejak 2008 hingga 2019?
- b) Sila nyatakan sekolah yang telah memohon tanah yang telah diluluskan dan belum diluluskan.
- c) Apakah masalah permohonan yang tidak dapat kelulusan?

**JAWAPAN:**

- a) Sebanyak 11 tapak yang telah diluluskan untuk tujuan SJKC dengan keluasan keseluruhan 44,535.576 meter persegi dan 12 tapak yang telah diluluskan untuk tujuan SJKT dengan keluasan keseluruhan 188,938.13 meter persegi sepanjang tahun 2008 hingga 2019.

Perincian pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Daerah	Jenis Sekolah	
	SJKC	SJKT
Petaling	-	4
	-	65,541.671 mp
Klang	3	3
	30,762.576 mp	47,150 mp
Kuala Selangor	-	2
	-	26,190 mp
Hulu Selangor	1	2
	1,617 mp	28,906.459 mp
Sepang	-	1
	-	21,150 mp
Kuala Langat	1	-
	12,156 mp	-

- b) Senarai sekolah yang telah mendapat kelulusan dan status pewartaan seperti berikut:-

<b>Daerah</b>	<b>Nama Sekolah</b>	<b>Tarikh kelulusan</b>	<b>Status warta</b>
Petaling	SJKT Effingham	16.11.2015	WKN No.2688/2016
	SJKT Castlefield	26.4.2016	WKN No.3812/2016
	SJKT Ladang Midlands	9.8.2018	Dalam proses
	SJKT Glenmarie	3.4.2019	Dalam proses
Klang	SJKT Ladang Highland	30.11.2013	WKN No.398/2014
	SJKT Emerald	30.11.2013	WKN No.398/2014
	SJKT Vallambrosa	30.11.2013	WKN No.398/2014
	SJKC Khe Beng	5.7.2014	Dalam proses
	SJKC Hwa Lien	5.9.2017	Dalam proses
	SMJK Chung Hwa	16.3.2018	WKN No.2523/2014
Kuala Selangor	SJKT Ladang Sungai Rambai	16.3.2014	WKN No.182/2015
	SJKT Ladang Coalfields	26.4.2016	WKN No.2653/2016
Hulu Selangor	SJKT Bukit Beruntung	29.6.2013	Dalam proses
	SJKT Ladang Escort	16.2.2016	Dalam proses
	SJKC Kerling	31.1.2019	WKN No.2163/2019
Sepang	SJKT Bandar Baru Salak Tinggi	29.6.2013	WKN No.2400/2017
Kuala Langat	SJKC Tiong Nam	26.4.2016	WKN No.3981454/2017

- c) Berdasarkan Seksyen 42 Kanun Tanah Negara (KTN), salah satu kaedah melupuskan Tanah Kerajaan adalah melalui perizaban tanah di bawah Seksyen 62 KTN. Perizaban tanah bagi tujuan sekolah jenis kebangsaan perlu dimohon oleh Lembaga Pengelola dan perlu mendapatkan ulasan daripada Jabatan Teknikal seperti Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pelajaran Negeri. Permohonan perlu disertakan dengan dokumen yang lengkap mengikut senarai semak dan penolakan akan dilaksanakan sekiranya terdapat bantahan awam ataupun ulasan Jabatan Teknikal yang tidak menyokong.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PENGUBAHSUAIAN RUMAH TERES KEPADA ASRAMA**

271. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan pendirian atau dasar Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah pengubahsuaian rumah teres kepada asrama yang tidak terkawal dan makin bertambah yang membawa dengannya banyak masalah sosial, keselamatan dan mengganggu ketenteraman penduduk sekitar?

**JAWAPAN:**

Pertanyaan ini akan dijawab bersekali dengan Soalan 41 daripada Yang Berhormat Bandar Utama berkaitan Isu Pembinaan Hostel di Kawasan Rumah Kediaman.

- a) Bagi mengatasi dan mengawal aktiviti pengubahsuaian rumah teres kepada asrama, beberapa tindakan pengawalan dan penguatkuasaan dilakukan oleh PBT berdasarkan maklumat awam dan tindakan diambil di bawah :
- i. Seksyen 70(13), Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) sekiranya melibatkan pengubahsuaian bangunan tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu dari PBT;
  - ii. Seksyen 86(a), Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) juga boleh diambil juga boleh diambil sekiranya aktiviti atau keadaan sesuatu premis itu mewujudkan kacau ganggu, mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan awam; dan
  - iii. Seksyen 79, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang sekiranya melibatkan aktiviti rumah penuh sesak iaitu kepadatan jumlah penghuni melebihi had yang dibenarkan di dalam sesuatu rumah kediaman itu.

Tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas sebarang binaan yang tidak mengikut garis panduan kediaman dalam erti kata lain, binaan hostel yang tidak bercirikan rumah kediaman sekiranya didapati tidak mendapatkan kelulusan daripada pihak majlis terlebih dahulu. Ini termaktub dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dibawah seksyen 70(12) – Binaan tanpa kebenaran yang ada perubahan kegunaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : AIR SELANGOR**

272. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang telah diambil dan akan diambil oleh Kerajaan dalam memastikan mutu dan perkhidmatan yang tersusun terutama ketika berlaku krisis dan bencana?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi memastikan sebarang krisis bekalan air, pihak Air Selangor telah pun menyediakan SOP (Standard Operating Procedure) bagi '*Emergency Response Plan* (ERP)' untuk menangani sebarang gangguan bekalan air berdasarkan keseriusan dan impak insiden serta diklasifikasikan kepada tiga kod warna iaitu Hijau, Kuning dan Merah.

SOP ini dibahagikan kepada tiga komponen iaitu Peringkat Insiden, Peringkat Pemulihan dan Komunikasi yang memperincikan segala tindakan yang perlu diambil sebelum, semasa dan selepas insiden gangguan bekalan air.

Garis panduan ini juga menjadi panduan kepada semua warga kerja Air Selangor bagi menangani sebarang krisis gangguan bekalan air dan memastikan bantuan kepada pengguna diuruskan dengan cekap dan teratur.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : RUMAH KOS RENDAH**

273. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan berhasrat mengambil alih kuasa pengurusan taman permainan, jalan dan kemudahan awam yang lain di dalam kawasan rumah kos rendah disebabkan yuran penyelenggaraan mereka tidak mencukupi untuk membaiki dan menjaga kemudahan-kemudahan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah mendapatkan input awal dari Pesuruhjaya Bangunan, Pihak Berkuasa Tempatan berhubung jumlah kawasan pangsapuri kos rendah yang bukan di bawah pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan. Daripada input yang diperolehi, adalah dianggarkan kos tambahan yang perlu ditanggung untuk kerja-kerja turap jalan, potong rumput dan landskap, bil dan senggaraan lampu jalan, senggara saluran longkang serta kutipan sampah pukal adalah sejumlah RM179,695,112.88 setahun. Selain itu, perkara pengambilalihan ini juga perlu dibincangkan di peringkat Persekutuan kerana ianya melibatkan persempadanan kawasan Berkuasa Tempatan yang termaktub di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : KUMPULAN SEMESTA - SUMBANGAN UNTUK KEBAJIKAN RAKYAT**

274. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah sebarang dasar baru/berubah berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran SEMESTA sejak ianya di tubuhkan ?
- b) Apakah dasar-dasar tersebut?
- c) Berapakah jumlah sumbangan untuk kebajikan rakyat yang telah di salurkan untuk tahun 2019 dan 7 tahun yang lalu (2012-2018) ?

**JAWAPAN:**

- a) Ada
- b) Antara dasar baru / perubahan berkaitan pengurusan dan pentadbiran Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. ("KSSB" atau "Syarikat") adalah seperti berikut:-
  - Bukan lagi pemegang permit tunggal bagi perlombongan pasir di Selangor memandangkan pemilik lombong persendirian boleh mendapatkan permit tanpa melalui KSSB;
  - Menambah pendapatan hasil daripada pelbagai mineral lain selain daripada pasir antaranya tanah beban, tanah liat, tanah merah, kuari, timah dan emas;
  - Menawarkan perkhidmatan profesional berkaitan perlombongan termasuk penyediaan skim, *Environmental Impact Assessment (EIA)*, *Environmental Monitoring Report (EMR)*, *Environmental Management Plan (EMP)* dan lain-lain;
  - Sebuah organisasi yang berorientasikan kualiti dengan pensijilan ISO9001:2015 (*Quality Management System*);
  - Perluasan perniagaan bukan terhad di Selangor sahaja; dan
  - Pengkomersilan perniagaan perlombongan yang lebih berintegriti melalui pembangunan kepakaran bidang IT antaranya sistem *smart* docket untuk kegunaan tapak perlombongan dan kuari di seluruh Selangor.

- c) Jumlah sumbangan untuk kebajikan rakyat yang telah disalurkan sejak tahun 2012 sehingga Jun 2019 adalah seperti berikut:-

<b>TAHUN</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>Jun-19</b>	<b>JUMLAH</b>
DIVIDEN	6.0	15.0	10.7	7.2	-	-	-	-	<b>38.9</b>
ROYALTI PTD	11.5	13.3	17.3	15.1	11.8	16.4	15.8	9.5	<b>110.7</b>
SUMBANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	6.4	1.9	2.0	7.7	3.6	1.6	1.7	3.0	<b>27.9</b>
<i>TRIBUTE</i> TUAN TANAH	2.9	3.0	6.0	6.8	2.2	1.9	5.6	5.9	<b>34.3</b>
HORAS 600	-	-	40.0	69.0	42.0	32.0	20.3	0.0	<b>203.3</b>
KOLAM ABBAS	-	1.5	0.8	1.5	1.3	-	-	-	<b>5.1</b>
ZAKAT PERNIAGAAN	0.5	0.4	0.3	0.5	0.7	0.7	0.6	-	<b>3.7</b>
CUKAI KORPORAT DIBAYAR	3.6	3.3	8.9	7.5	4.3	-	0.9	0.5	<b>29.0</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>30.9</b>	<b>38.4</b>	<b>86.0</b>	<b>115.3</b>	<b>65.9</b>	<b>52.6</b>	<b>44.9</b>	<b>18.9</b>	<b>452.9</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : PEMBERIAN CF TANPA PELAN SISTEM PERPAIPAN AIR**

275. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah MPKJ boleh mengeluarkan Sijil Perakuan Kelayakan (CF) kepada kondo Casa Suria sedangkan pemaju tidak menyerahkan pelan sistem paip air kondo kepada mana-mana pihak berwajib?

**JAWAPAN:**

- a) Pada asasnya ianya adalah projek terbengkalai dibawah pemantauan JPN/KPKT dan telah melalui beberapa siri mesyuarat di KPKT. Berdasarkan rekod pemeriksaan Sijil Kelayakan Menduduki (SKM), bangunan itu sendiri secara fizikal adalah *fit for purpose*. Bagi tujuan tersebut semua agensi telah memberi surat sokongan telah diterima kecuali SYABAS, yang mana perkara tersebut dikemukakan oleh arkitek Zone Architect (no pendaftaran LAM A/C 151). Dalam hal ini, MPKj menyedari dan telah pun memaklumkan kepada mesyuarat siri terakhir kepada JPN/KPKT. Atas dasar projek terbengkalai di bawah pengawasan JPN/KPKT, pihak JPN menekankan juga SKM harus dikeluarkan walaupun ada 1 agensi/jabatan tidak dirujuk.

Dalam masa yang sama, pemaju (Tetuan Megatalent Sdn. Bhd.) mengemukakan surat pelepasan tanggungan sebarang tuntutan kepada MPKj dan mengambil tanggungjawab penuh atas apa jua *consequence* yang mungkin wujud kepada pembangunan tersebut setelah SKM dikeluarkan.

Lanjutan itu, MPKj menerima perakuan mengemukakan SKM melalui Unit OSC pada 07/07/2010 dengan lengkap dokumen sokongan jabatan teknikal tidak termasuk SYABAS dan Borang E oleh Zone Architect dan menerima tanggungjawab penuh atas pembangunan tersebut selaras dengan pelan kelulusan. Selanjutnya MPKj menerima terimaan Borang E bagi tujuan pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki pada 29/07/2010.

Atas dasar kepentingan awam bagi menyelesaikan isu projek terbengkalai pada tahun 2010, melalui persetujuan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil 14/2010 pada 26/07/2010 dan gesaan daripada JPN/KPKT,

bersetuju meluluskan pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki (SKM) yang dikeluarkan pada 29/07/2010 no siri 2429 setelah dokumen sokongan dan Borang E dikeluarkan oleh Zone Architect bertanggungjawab selaras dengan kehendak Undang-Undang Kecil Seragam Bangunan (UUKBS) 1984.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL DOMESTIK**

276. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk meningkatkan perbelanjaan bagi pengurusan sisa pepejal domestik?
  
- b) Apakah PBT Klang mempunyai perancangan untuk menambah peruntukan bagi menambah aset atau meningkatkan kekerapan jadual kutipan sampah pepejal domestik di Klang?

**JAWAPAN:**

- a) Secara prinsipnya kos pengurusan sisa pepejal domestik dan pembersihan awam adalah di bawah tanggungan Pihak Berkusa Tempatan (PBT) masing-masing. Namun, selaras dengan pelaksanaan *Private Management Company* (PMC), Kerajaan Negeri melalui MMKN Ke 7/2018 bersetuju supaya kadar harga perkhidmatan bagi setiap premis yang dikenakan hendaklah tidak kurang daripada kadar harga yang dikenakan oleh PBT sebelum ini. Kos pengurusan tersebut akan berubah dari masa ke semasa berdasarkan pembukaan kawasan baru seperti kawasan komersil, perindustrian dan kediaman. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri turut mengambil inisiatif untuk membantu PBT berstatus daerah yang memohon peruntukan bagi menguruskan kutipan sampah domestik di kawasan kampung dengan memperuntukkan sebanyak RM4.9 juta pada tahun 2018 dan RM5.7 juta pada tahun ini.
  
- b) Perancangan penambahan peruntukan bagi menambah aset bagi mengurus kutipan sisa pepejal domestik di PBT Klang adalah satu cadangan yang baik. Berdasarkan Kontrak Perjanjian di antara pihak Majlis Perbandaran Klang dan KDEBWM, telah dinyatakan bahawa kedua-dua pihak dibenarkan mengkaji kadar harga kontrak pada setiap dua (2) tahun bagi menampung kos operasi dan kos penyelenggaraan sahaja.

Dari segi kekerapan kutipan jadual kutipan sampah domestik di PBT Klang, jadual yang sedia adalah standard jadual yang dipraktikkan di semua PBT di Negeri Selangor dan juga digunapakai di lain-lain negeri di Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PEMBERIAN PENYELENGGARAAN JALAN RAYA NEGERI (MARRIS)**

277. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan MARRIS yang telah dibelanjakan sehingga bulan Jun 2019 tahun ini?
- b) Apakah kemajuan pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan di bawah peruntukan MARRIS tersebut sehingga kini mengikut agihan jabatan dan agensi yang terlibat?

**JAWAPAN:**

- a) Setakat 30 Jun 2019, Kerajaan Negeri Selangor telah menerima peruntukan MARRIS sebanyak RM 482,750,000.00 dan telah membelanjakan sebanyak 48.99% bersamaan dengan RM 236,486,831.23.

Prestasi perbelanjaan peruntukan MARRIS pada tahun 2018, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak 98% iaitu sebanyak RM 466,873,266.71 daripada jumlah yang diterima pada tahun 2018 yang mana jumlahnya adalah RM 475,597,225.00. Manakala bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak 97% iaitu sebanyak RM 604,242,500.54 daripada jumlah yang diterima pada tahun 2017 yang mana jumlahnya adalah RM 620,790,428.40.

Berdasarkan prestasi perbelanjaan pada dua tahun tersebut, Kerajaan Negeri Selangor yakin untuk mencapai paras perbelanjaan peruntukan MARRIS melebihi 85% sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara Tahun 2019.

- b) Prestasi perbelanjaan peruntukkan mengikut Jabatan atau Agensi adalah seperti berikut:
  - i. Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Selangor telah membelanjakan sebanyak RM 4,456,856.10 bersamaan dengan 14.86% daripada jumlah yang telah diperuntukkan iaitu sebanyak RM 30 juta. Bilangan projek

yang telah siap adalah sebanyak 81 projek daripada 148 projek yang dirancang;

- ii. Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor telah membelanjakan sebanyak RM 117,683,081.60 bersamaan dengan 47.07% daripada jumlah yang telah diperuntukkan iaitu sebanyak RM 250 juta. Bilangan projek yang telah siap adalah sebanyak 121 projek daripada 519 projek yang dirancang;
- iii. Jabatan dan Pengairan Selangor telah membelanjakan sebanyak RM 1,237,125.00 bersamaan 30.93% daripada jumlah yang telah diperuntukkan sebanyak RM 4 juta. Bilangan projek yang telah siap adalah sebanyak 28 projek daripada 43 projek yang dirancang;
- iv. Jabatan Kerja Raya Selangor telah membelanjakan sebanyak RM 113,109,768.53 bersamaan 56.91% daripada jumlah yang telah diperuntukkan sebanyak RM 198,750,000.00. Bilangan projek yang telah siap adalah sebanyak 84 projek daripada 207 projek yang dirancang;

Penjelasan lanjut berhubung prestasi perbelanjaan peruntukan MARRIS adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

**Jadual di bawah disediakan untuk rujukan dan panduan YAB Dato' Menteri Besar**

<b>AGENSI</b>	<b>SILING PERUNTUKAN (RM)</b>	<b>SILING KEMASKINI (RM)</b>	<b>PERBELANJAA N (RM)</b>	<b>PERATUS PERBELANJAA N (%)</b>
PDT Selangor	30,000,000.00	30,000,000.00	4,456,856.10	14.86%
PBT Selangor	250,000,000.00	250,000,000.00	117,683,081.60	47.07%
JPS Selangor	4,000,000.00	4,000,000.00	1,237,125.00	30.93%
JKR Selangor	196,000,000.00	198,750,000.00	113,109,768.53	56.91%
<b>JUMLAH</b>	<b>480,000,000.00</b>	<b>482,750,000.00</b>	<b>236,486,831.23</b>	<b>48.99%</b>

**Jadual A: Prestasi Perbelanjaan MARRIS mengikut Jabatan atau Agensi Pelaksana di Negeri Selangor sehingga 30 Jun 2019**



BIL.	AGENSI PELAKSANA	PRESTASI FIZIKAL (STATUS PELAKSANAAN)			JUMLAH
		BELUM MULA	PENYIAPA N KERJA	SIAP SEPENUHNY A	
1.	<b>PDT Selangor</b>	4	63	81	<b>148</b>
2.	<b>PBT Selangor</b>	113	285	121	<b>519</b>
3.	<b>JPS Selangor</b>	14	1	28	<b>43</b>
4.	<b>JKR Selangor</b>	66	57	84	<b>207</b>
	<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>197</b>	<b>406</b>	<b>314</b>	<b>917</b>

**Jadual B: Prestasi Kemajuan Pelaksanaan Projek MARRIS mengikut Jabatan atau Agensi Pelaksana di Negeri Selangor sehingga 30 Jun 2019**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PENYELESAIAN KESESAKAN LALU LINTAS DI KAWASAN PANDAN**

278. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan jangka pendek Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas di persimpangan lampu isyarat Jalan Bunga Raya dan Jalan Bunga Mawar?


**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sebahagian jajaran jalan di persimpangan lampu isyarat Jalan Bunga Raya dan Jalan Bunga Mawar adalah melibatkan Jalan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan sebahagian lagi adalah Jalan Negeri JKR (**Lampiran A**). Punca utama kesesakan ini adalah disebabkan oleh halangan dibahu jalan akibat daripada sikap peniaga dan pembeli pasar pagi Taman Muda yang meletakkan kenderaan secara haram.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada Mesyuarat Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 7/2019 yang diadakan pada 17 Julai 2019, pihak MPAJ akan mengadakan satu mesyuarat penyelarasan bersama pihak JKR Hulu Langat, Ahli Majlis dan penduduk setempat bagi mengatasi masalah ini. Antara cadangan awal adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan bahu jalan bagi mengelakkan kenderaan diletakkan secara haram.
- ii. Menguatkuasakan larangan meletakkan kenderaan dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- iii. Mengadakan laluan sehalu dari Jalan Bunga Mawar 4 ke Bulatan Seraya ke Jalan Teratai ½ dan balik semula ke Jalan Bunga Mawar 4.

## Lampiran A



Nota : Pelan lokasi aduan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : FOOD BANK**

279. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dengan banyaknya penuntut institusi pengajian tinggi di Negeri Selangor, adakah perancangan Kerajaan Negeri dalam membantu mereka melalui program seperti Food Bank bagi meringankan beban kos hidup mereka?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : CIRCULAR ECONOMY DI SELANGOR**

280. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar kerajaan untuk membangunkan industri dan ekosistem circular economy di Selangor memandangkan model linear economy yang digunakan sejak beberapa dekad yang lepas sudah dianggap sebagai tidak mampan dan memberi kesan kepada alam sekitar?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor masih belum mempunyai dasar berkenaan pembangunan industri dan ekosistem *circular economy*. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa menitikberatkan ulasan dan pandangan agensi teknikal yang berkaitan untuk setiap cadangan pembangunan bagi memastikan kesan kepada alam sekitar dapat diminimumkan.